



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN LANCAR KEMPEN MERDEKA *WITH BIGPAY!*

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan kerjasama BigPay menganjurkan **Kempen Merdeka *With BigPay!*** bersempena bulan kemerdekaan ini. Kempen ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan peminjam membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN di samping berpeluang memenangi ganjaran istimewa. Ia juga merupakan tanda keprihatinan PTPTN dan BigPay bagi menghargai para peminjam yang komited membuat bayaran balik pinjaman PTPTN.

2. BigPay adalah aplikasi kewangan yang disertakan dengan *Prepaid MasterCard* dan *Visa* serta aplikasi untuk membolehkan pengguna membuat transaksi bayaran. Kempen Merdeka *With BigPay!* ini terbuka kepada semua pengguna aplikasi **BigPay** yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN di dalam tempoh kempen iaitu bermula **15 Ogos 2022 hingga 30 September 2022**.

3. Melalui kempen ini, pelanggan yang menggunakan aplikasi BigPay untuk membuat bayaran balik pinjaman PTPTN akan berpeluang menerima pemberian ganjaran seperti berikut:

| Kategori | Pemberian Ganjaran | Bilangan Pemenang |
|---|---|---|
| Bayaran balik pinjaman minimum RM2,000 secara <i>one off</i> menggunakan BigPay | RM50 <i>cashback</i> dan 6x mata ganjaran yang akan dikreditkan ke <i>e-wallet</i> BigPay | 100 pengguna terawal setiap bulan (Ogos dan September). Jumlah keseluruhan pemenang yang layak adalah 200 orang |

| | | |
|--|---|--------------------|
| <p>Bayaran balik pinjaman minimum RM200 melalui potongan debit secara berturut-turut pada bulan Ogos dan September menggunakan BigPay.</p> | <p>Berpeluang memenangi tiket penerbangan domestik bernilai RM200</p> | <p>20 pemenang</p> |
|--|---|--------------------|

4. Setiap pengguna layak menerima pemberian ganjaran sekali sahaja untuk setiap kategori. Pemenang kempen akan diumumkan melalui media sosial BigPay. Pemenang akan menerima mata ganjaran dan *cashback* dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah tamat kempen. Selain itu, pemenang ganjaran tiket penerbangan domestik perlu menghubungi Bahagian Pemasaran BigPay.

5. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, “Kempen bayaran balik pinjaman PTPTN secara *online* atau melalui aplikasi mudah alih ini adalah platform terbaik mendekatkan golongan belia dengan PTPTN. Ia kerana, generasi ini lebih cenderung dalam penguasaan teknologi terutama kemudahan digital yang memberi manfaat kepada mereka. Malah, BigPay yang telah bekerjasama dengan PTPTN sejak tahun 2018, sentiasa menyokong usaha PTPTN dalam menggalakkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik pinjaman dengan konsisten selain menjayakan agenda pendigitalan yang dihasratkan Kerajaan. PTPTN amat menggalakkan sekiranya terdapat badan korporat yang ingin berkolaborasi melaksanakan kempen sebegini bersama PTPTN.”

6. PTPTN berharap dengan kempen ini akan memberi peluang dan memudahkan para peminjam PTPTN untuk membuat bayaran balik secara konsisten melalui BigPay. Komitmen peminjam membuat bayaran balik amat bermakna demi kesinambungan pinjaman PTPTN kepada generasi akan datang.

7. Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen Merdeka *With BigPay!*, layari portal rasmi di www.ptptn.gov.my. Pelanggan PTPTN juga digalakkan untuk muat turun aplikasi myPTPTN untuk mendapatkan perkhidmatan PTPTN dengan lebih mudah, cepat dan selamat.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
17 Ogos 2021**